

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 16.07.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 91

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang sedia ada untuk memberi kuasa kepada "*Parliamentary Select Committee on Major Public Appointments (PSC)*" untuk membuat lantikan jawapan awam utama dan sekiranya ya, bila ia akan dilakukan dan sekiranya tidak, apakah sebab-sebabnya.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Yang di-Pertua

1. Izinkan saya menjawab pertanyaan berkaitan isu pelantikan Jawatan Utama Perkhidmatan Awam ini, secara bersekali dengan soalan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat berikut:

- i. YB [Ketereh] untuk dijawab pada 4 Julai 2019;
- ii. YB [Marang] untuk dijawab pada 10 Julai 2019;
- iii. YB [Beluran] untuk dijawab pada 16 Julai 2019; dan
- iv. YB [Bukit Gelugor] untuk dijawab pada 16 Julai 2019.

2. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Buku Harapan iaitu manifesto Pakatan Harapan di bawah Janji 16: Mengembalikan Wibawa Institusi Parlimen tidak menyatakan secara jelas apakah jawatan-jawatan yang diklasifikasikan sebagai Jawatan Utama Perkhidmatan Awam. Malah terma yang digunakan di dalam Buku Harapan berkenaan ialah Jawatan-jawatan penting dalam negara seperti pelantikan ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Malaysia.

3. Dalam konteks ini, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, tiada jawatan yang dilantik terus oleh YAB Perdana Menteri kerana bagi jawatan Pengerusi dan ahli-ahli atau Ketua Pesuruhjaya keempat-empat Suruhanjaya yang dinyatakan tersebut, pelantikan dibuat oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berdasarkan peruntukan Perlembagaan dan Akta masing-masing. YAB Perdana Menteri juga dalam memberi nasihat kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (yang mana berkenaan) tidak terikat untuk merujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen kerana mekanisme yang sesuai pada masa ini masih dihalusi untuk memberikan peranan semak dan imbang kepada Jawatankuasa Pilihan Khas peringkat Parlimen terhadap pemilihan penyandang jawatan-jawatan penting berkenaan.

4. Sebagai langkah permulaan, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebanyak enam (6) Jawatankuasa Pilihan Khas (Special Select Committee) termasuk Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-Jawatan Utama Perkhidmatan Awam telah ditubuhkan sebagai perintis berdasarkan kepentingan dan hala tuju Negara yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada Khamis, 16 Ogos 2018 semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Keempat Belas.

5. Jawatankuasa ini mendapati bahawa proses pelantikan jawatan-jawatan utama dalam perkhidmatan awam ini adalah unik dan berbeza bagi setiap jawatan. Sehubungan itu, Jawatankuasa ini sedang mengenalpasti jawatan-jawatan yang diklasifikasikan sebagai Jawatan-jawatan Utama Perkhidmatan Awam serta mengkaji mekanisme terbaik

NO. SOALAN: 91

bagi ia menjalankan fungsinya dan memainkan peranan yang jelas dalam proses pelantikan jawatan-jawatan utama tersebut yang mana dijangka memerlukan pindaan Perlembagaan dan Akta-akta berkaitan. Sehingga mekanisme dan kerangka undang-undang yang baru dibuat, prosedur sedia ada akan terus digunapakai bagi memastikan urusan Kerajaan tidak terjejas.

Sekian, terima kasih.